



**JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)**

**1. PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L41 (KONTRAK)**

Tangga Gaji RM2,418.00 (Minimum) - RM 9,607.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM2,418.00); **ATAU**
- (b) Iulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination).  
(Gaji permulaan : RM2,418.00). **DAN**
- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Keutamaan kepada calon :**

- (a) Memiliki **Kepujian sekurang-kurangnya C6** dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon yang mendapat kelulusan **Malaysian University English Test (MUET)** dengan **aras minimum 3** boleh dikecualikan mencapai kepujian Bahasa Inggeris (sekurang-kurangnya C6) pada peringkat SPM.
- (b) Mencapai sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** pada peringkat ijazah sarjana muda

Penempatan Jawatan : Unit Perundangan, Pejabat Naib Canselor, UMP Pekan

## **2. PEGAWAI PENERBITAN GRED N41 (TETAP )**

Tangga Gaji RM2,080.00 (Minimum) - RM 9,546.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan: RM2,080.00); **ATAU**
- (b) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM2,283.43). **DAN**
- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Keutamaan kepada calon :**

- (a) Memiliki **Kepujian sekurang-kurangnya C6** dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon yang mendapat kelulusan **Malaysian University English Test (MUET)** dengan **aras minimum 3** boleh dikecualikan mencapai kepujian Bahasa Inggeris (sekurang-kurangnya C6) pada peringkat SPM.
- (b) Mencapai sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** pada peringkat ijazah sarjana muda

Penempatan Jawatan : Penerbit UMP, Kampus Pekan & Kampus Gambang

### **3. PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41 (TETAP)**

Tangga Gaji RM2,080.00 (Minimum) - RM 9,546.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM2,081.00); **ATAU**
- (b) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan : RM2,081.00); **ATAU**
- (c) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM2,285.00). **DAN**
- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
  - a. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - b. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg (lelaki) dan 46kg (wanita);
  - c. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - d. Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - e. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
  - f. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
  - g. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar. **DAN**
- (e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Keutamaan kepada calon :**

- (a) Memiliki **Kepujian** sekurang-kurangnya **C6** dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon yang mendapat kelulusan **Malaysian University English Test (MUET)** dengan **aras minimum 3** boleh dikecualikan mencapai kepujian Bahasa Inggeris (sekurang-kurangnya C6) pada peringkat SPM.
- (b) Mencapai sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** pada peringkat ijazah sarjana muda

Penempatan Jawatan : Bahagian Keselamatan, Kampus Pekan dan Kampus Gambang

## **JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)**

### **1. PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C29 (KONTRAK)**

Tangga Gaji RM1,505.00 (Minimum) - RM5696.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan : RM1,505.00); **ATAU**
- (b) diploma dalam bidang sains atau teknologi makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM1,782.91); **ATAU**
- (c) diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM1,858.12). **DAN**
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Syarat Tambahan Lantikan di Fakulti Fakulti Sains & Teknologi Industri :**

- (a) Berpengalaman dalam bidang-bidang pengkhususan seperti Kimia / Kimia Industri
- (b) Berpengalaman dalam pengendalian peralatan-peralatan khasnya seperti GC / HPLC / IC / AAS / FTIR / UV-VIS
- (c) Berpengalaman dalam pengurusan Aset dan Stor serta pengurusan dokumentasi yang baik
- (d) Memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Makmal
- (e) Memiliki kemahiran berkomputer dan mahir menggunakan perisian Microsoft Office (Word & Excel) serta perisian berkaitan urusan data
- (f) Mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi lisan yang baik serta peribadi yang berdisiplin

**Syarat Tambahan Lantikan di Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik :**

- (a) Memiliki **Diploma Kimia Industri** atau **Diploma Bioteknologi**
- (b) Pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang berkaitan.

## 2. PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19 (KONTRAK)

Tangga Gaji RM1,377.00 (Minimum) - RM4,052.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan : RM1,377.00); **ATAU**
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM1,435.12); **ATAU**
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM1,435.12); **ATAU**
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM1,493.24). **ATAU**
- (e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan : RM1,493.24). **DAN**
- (f) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Penempatan Jawatan : Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Kampus Pekan & Kampus Gambang

### **3. PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S19 (KONTRAK)**

Tangga Gaji RM1,352.00 (Minimum) - RM4,003.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta:
  - a. Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; **DAN**
  - b. Lulus dalam subjek Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi).(Gaji permulaan : RM1,352.00); **ATAU**
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM1,408.40); **ATAU**
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan : RM1,464.80). **DAN**
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Penempatan Jawatan : Pusat Islam & Pembangunan Insan, Kampus Pekan & Kampus Gambang

## **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berdasarkan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

## **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara **Tetap / Kontrak**.

## **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatian Perkhidmatan) 2012, Para 18.

## **UMUR PADA TARikh TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman web UMP, [www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my). Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Atas Talian (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui laman web UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara atas talian adalah tidak akan dilayan. Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat. Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN PENDAFTAR  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,  
26600 PEKAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR  
(U/P : UNIT PELANTIKAN)**

## **CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.
- (d) Segala urusan panggilan ke sesi temuduga secara rasmi adalah melalui email. Pastikan email yang didaftarkan adalah aktif.

## **PERMOHONAN ATAS TALIAN :**

**TARikh BUKA** : 29 Jun 2016  
**TARikh TUTUP** : 13 Julai 2016

**TARikh AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN** : 20 Julai 2016